

DERMOPLEX CALAMINE CREAM

Calamine BP / Zinc Oxide (4% w/w / 3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Dermoplex Calamine Cream
2. Bagaimana Dermoplex Calamine Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dermoplex Calamine Cream
4. Cara menggunakan Dermoplex Calamine Cream
5. Semasa menggunakan Dermoplex Calamine Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Calamine Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Dermoplex Calamine Cream

Melegakan ruam lampin, lepuh, selaran matahari, gigitan serangga dan gatal kulit yang tidak ketara.

Bagaimana Dermoplex Calamine Cream berfungsi

Dermoplex Calamine Cream mengandungi *calamine*, yang merupakan losyen astringen sederhana yang mengurangkan ruam kulit dan kerengsaan.

Sebelum menggunakan Dermoplex Calamine Cream

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:
 - Calamine
 - Zinc Oxide
 - mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah iniJangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda kerosakan. Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan. Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, berbincang dengan doktor anda.

- Sebelum anda mula menggunakannya

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

- Mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Dermoplex Calamine Cream boleh mengganggu satu sama lain.

Berbincanglah dengan ahli farmasi atau doktor anda sebelum mengambil produk ini dengan ubat-ubatan lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk berhati-hati dengan atau untuk dielakkan semasa menggunakan Dermoplex Calamine Cream

Cara menggunakan Dermoplex Calamine Cream

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan di kawasan yang sakit setiap kali anda perlukan. Jika tanda-tanda tidak hilang, anda perlu berjumpa dengan doktor anda.

- Bila perlu digunakan

Guna Dermoplex Calamine Cream seperti yang diarahkan.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat anda selama yang doktor anda memberitahu anda.

- Jika anda terlupa untuk menggunakannya

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat, anda boleh menggunakannya sebaik sahaja anda ingat.

- Jika anda menggunakan terlalu banyak (berlebihan)

Apabila digunakan seperti yang disyorkan, penggunaan Dermoplex Calamine Cream secara berlebihan jarang berlaku.

Semasa menggunakan Dermoplex Calamine Cream

- Perkara yang anda mesti lakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan berhati-hati.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.

- Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Jangan gunakan Dermoplex Calamine Cream untuk merawat sebarang penyakit lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda. Jangan berikan ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu kesan penggunaan Dermoplex Calamine Cream kepada anda.

- Untuk kegunaan luaran sahaja
- Elakkan dari terkena mata

Kesan-kesan sampingan

Kebanyakan ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Sesetengahnya adalah serius dan sesetengahnya mungkin tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika terdapat sebarang pertanyaan yang anda mungkin ingin ketahui.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems/Side Effects/AEFI/Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Calamine Cream

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya dan ditutup ketat. Jika anda mengeluarkan ubat dari pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Dermoplex Calamine Cream atau ubat lain di dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dermoplex Calamine Cream atau jika ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna merah jambu

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- i. Calamine
- ii. Zinc oxide

Bahan tidak aktif:

- i. Emulsifying Wax
- ii. White soft paraffin
- iii. Liquid paraffin
- iv. Phenoxyethanol

- No MAL

MAL19912660X

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL
MFG. (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

UPHA PHARMACEUTICAL
MFG. (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini

18/05/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)170417/00081